

15 MAR 2002

Singapura-Malaysia/I

JANGAN MAINKAN REKOD LAMA ISU DUA HALA, KATA GOH KEPADA M'SIA

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 15 Mac (Bernama) -- Di tengah-tengah kemelut baru dalam hubungan dua hala, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong menyifatkan mengendalikan hubungan dengan Malaysia sebagai satu cabaran dan berkata kedua-dua negara akan memperolehi banyak manfaat dengan bekerjasama rapat dalam menangani cabaran bersama daripada "memainkan rekod lama isu dua hala".

"Baru-baru ini, terdapat banyak kritikan terhadap Singapura, di media Malaysia dan di Parlimen Malaysia. Pada banyak waktu, faktanya salah, dibuang atau diputar belit," katanya pada perhimpunan akar umbi malam ini.

Goh berkata beliau sedang cuba untuk memahami serangan media itu, dan menurutnya Singapura juga mempunyai sensitiviti tetapi ia tidak akan terlibat dalam perang perkataan kerana ianya "tidak produktif, perbuatan yang tiada akhirnya".

Mengendalikan isu dengan wartawan Malaysia yang menurutnya memperkecil-kecilkan Singapura sebagai "jerawat menjengkelkan yang enggan pecah" Goh berkata: "Saya rasa keengganan Singapura untuk memainkan peranan sebagai adik menjengkelkan mereka".

Beliau berkata kenyataan itu mengingatkan beliau akan kenyataan bekas Presiden Indonesia B.J Habibie yang menggambarkan Singapura sebagai "titik merah yang kecil".

"Biar kami selesaikannya dengan diam-diam untuk menunjukkan yang "jerawat" ini sebenarnya adalah bintik pemanis dan "titik merah" ini, adalah batu delima yang berharga," katanya.

Kutukan Goh dibuat sehari selepas timbalannya Lee Hsien Loong mengakhiri lawatan empat hari ke Malaysia di mana beliau telah berjumpa pemimpin-pemimpin Malaysia termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isu penambakan laut oleh Singapura di Selat Johor ditimbulkan.

Sejak dua minggu lepas, isu penambakan laut itu telah menambah senarai pertikaian antara kedua-dua negara dengan Malaysia menyuarakan kebimbangan bahawa aktiviti Singapura itu akan menyempitkan terusan yang memisahkan mereka dan menjejaskan perkapalan, ekologi dan kehidupan nelayan di kawasan itu.

Singapura telah berulang kali menyatakan bahawa penambakan itu dilakukan dalam perairannya dan mengikut undang-undang antarabangsa.

Semasa lawatannya, Lee berkata Singapura bersedia untuk menimbangkan pandangan Malaysia dan telah meminta Kuala Lumpur menghantar nota berhubung kebimbangannya itu.

Media Singapura melaporkan Lee sebagai berkata bahawa ruang bagi kedua-dua pihak untuk berbincang kini semakin sempit kerana isu penambakan itu telah diperbesarkan oleh media Malaysia.

"Kita tidak mencari konfrontasi dan amat sedih sekali yang ia telah diperbesarkan dalam akhbar-akhbar Malaysia," beliau dipetik sebagai berkata.

Akibatnya, malahan sekiranya Singapura membuat penyesuaian, ia akan dihujani dengan soalan daripada rakyatnya sendiri kenapa ia mengalah," katanya.

Selain daripada isu penambakan laut itu, kedua-dua negara masih belum menyelesaikan pakej yang dipersetujui bagi isu-isu tertangguh, termasuk perjanjian bekalan air bagi Singapura dan pembangunan semula tapak kereta api milik Malaysia di sini.

Pakej itu dicapai antara Goh dan Dr Mahathir pada Disember 1998 tetapi

rundingan telah terhenti berikutan pertikaian mengenai harga air bagi perjanjian baru itu.

Timbalan Perdana Menteri Singapura itu berkata Dr Mahathir telah menghantar sepucuk surat kepada Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew mengenai cadangan baru itu dan formula baru bagi harga air dan Singapura sedang mengkajinya.

Menteri Kanan Singapura itu telah dua kali melakukan lawatan ke Kuala Lumpur bagi membincangkan pakej itu dengan Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata Malaysia sedang menyediakan pakej baru dan menghormati pendirian Singapura untuk tidak membincangkannya menerusi media.

-- BERNAMA

TCL RHM